

Oleh Amir Abd Hamid  
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**E**nam kriteria dikenal pasti sebelum kerajaan membuat keputusan drastik mengenakan sekatan perjalanan ke atas negara berisiko tinggi yang mengambil kira potensi gelombang ketiga penularan jangkitan Covid-19 menjelang musim sejuk.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kriteria penilaian risiko pengimportan jangkitan virus itu adalah berdasarkan *Scoring Board*: Sistem Merit Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menguna pakai data dari *Europe CDC* dan *Our World in Data*.

“Enam kriteria berkenaan termasuk bilangan kes Covid-19 dalam tempoh 14 hari kebelakangan; kadar insiden per sejuta penduduk dalam tempoh 14 hari kebelakangan.

“Selain itu, kadar kematian 14 hari kebelakangan per sejuta penduduk; kadar kematian kes kumulatif; indeks pemulihan dan kes melebihi 150,000,” katanya.

# KENAL PASTI 6 KRITERIA

*Kerajaan buat penilaian sebelum laksana sekatan perjalanan ke atas negara berisiko tinggi*



*Bagi pemegang Pas Ekspatriat dan pekerja mahir, mereka perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan JIM”*

*Ismail Sabri*

Beliau berkata demikian pada sidang media semalam mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pemulihan (PKP) hari ke-177 dan hari ke-93 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Ismail Sabri berkata, tindakan itu diambil bagi memastikan jangkitan kes import dapat dikawal dan

melindungi rakyat Malaysia dari ancaman gelombang ketiga Covid-19 menjelang musim sejuk di negara yang berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, sekatan perjalanan ini tidak membabitkan semua pihak kerana diplomat asing dan ahli keluarga serta delegasi dari luar negara bagi urusan berkaitan hubungan dua hala masih dibenarkan masuk.

Katanya, susulan pengumuman sekatan kemasukan pemegang Pas Jangka Masa Panjang, Mesyuarat Khas Menteri semalam bersetuju memberi sedikit kelonggaran untuk membenarkan Pemegang Pas Ekspatriat dan Pekerja Mahir dari negara terbabit memasuki Malaysia.

“Bagi pemegang Pas

Ekspatriat dan pekerja mahir, mereka perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan dari Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan surat sokongan dari Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) atau agensi berkaitan.

“Bagi penduduk tetap dan pasangan warganegara Malaysia, mereka boleh memohon dengan JIM untuk memasuki Malaysia dengan syarat perjalanan sehala sahaja. Pemegang Pas Pelajar dari negara yang terbabit juga dibenarkan masuk ke Malaysia dengan memohon JIM terlebih dahulu.

“Bagaimanapun JIM tidak akan menerima permohonan pas penuntut baharu,” katanya.